

## UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR PADA PEMBUKAAN LATIHAN RIDA YANG PERTAMA DI MAKTAB RIDA, PETALING JAYA PADA 4HB OGOS, 1961

Pertama sekali saya suka mengucapkan selamat datang kepada tuan-tuan sekalian kerana telah dapat menghadiri latihan yang pertama sekali bagi tuan-tuan sekalian yang telah dianjurkan oleh Ibu Pejabat RIDA. Tujuan latihan ini ialah untuk menerang dan memberi faham kepada tuan-tuan sekalian di atas tugas yang dikehendaki tuan-tuan menjalankan bagi melaksanakan Rancangan Pembangunan Luar Bandar Kebangsaan kita. Saya sifatkan latihan ini sangat mustahak, disebabkan mustahaknya tuan-tuan mengetahui dan faham dengan se dalam-dalamnya di atas tiap-tiap satu tanggungjawab tuan-tuan bagi menjalankan tugas yang sangat penting dan mustahak ini, sebelum tuan-tuan mulai bekerja di tempat masing-masing.

Seperti tuan-tuan semua mengetahui Kerajaan Perikatan telah melancarkan Rancangan Lima Tahun Yang Kedua, rancangan yang memakan belanja lebih kurang \$2,100,000,000, iaitu satu rancangan yang besar, yang tegas dan yang berani. Kerajaan berazam hendak melancarkan rancangan ini dengan sepenuhnya dan Kerajaan yakin dan percaya, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala dan dengan sokongan pegawai-pegawai yang bertanggungjawab menumpukan semua tenaga, rancangan-rancangan ini dapat dilaksanakan dengan sempurna. Lebih separuh daripada wang yang diuntukkan oleh rancangan kemajuan ini ialah bagi pembangunan luar bandar, dan dalam Rancangan Pembangunan Luar Bandar, RIDA adalah mempunyai peranan yang sangat penting. RIDA adalah sebelah tangan yang mustahak untuk melaksanakan Rancangan Pembangunan Luar Bandar.

Selepas sahaja ditubuhkan Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan kemajuan luar bandar dijalankan saya telah menyemak semua sekali jentera-jentera **pertubuhan**. Di dalam mesyuarat telah dipersetujukan iaitu tugas RIDA patutlah dikurangkan dan patutlah RIDA diberi tugas yang tertentu supaya dapat RIDA mendatangkan hasil yang memberi kesan yang nyata

di dalam kemajuan di kawasan-kawasan di luar bandar. RIDA tidak lagi bertanggungjawab bagi mengadakan kemudahan-kemudahan seperti jalan-jalan raya, jalan-jalan kampung, bekalan air dan sebagainya. Perkara-perkara ini telah menjadi tanggungjawab Kementerian Pembangunan Luar Bandar. RIDA hanyalah dibagi tugas di atas dua perkara yang mustahak dalam pembangunan luar bandar :

- (1) Mengadakan kemudahan-kemudahan bagi mengeluarkan hasil-hasil kampung-kampung terutama sekali getah dan kelapa;
- (2) Menggalak dan mengadakan perusahaan-perusahaan kecil kampung-kampung untuk menambah mata pencarian penduduk-penduduk.

Saya sifatkan kedua-dua tugas ini sangat mustahak kerana di dalam rancangan kita hendak memajukan kawasan-kawasan luar bandar perkara yang mustahak sekali ialah pendapatan penduduk-penduduk di kampung-kampung hendaklah 'dibesarkan dan diluaskan. Kerajaan berazam dalam Rancangan Pembangunan Luar Bandar hendaklah penduduk-penduduk di kampung-kampung diberi satu taraf hidup yang baharu, yang lebih tinggi dan lebih sempurna, lebih bahagia daripada yang ada sekarang. Perkara ini hanya dapat dicapai dengan ditambah dan diluaskan mata pencarian tiap-tiap seorang penduduk di luar bandar itu. Oleh itu menjadi tanggungjawablah bagi tuan-tuan semua mencari jalan dan ikhtiar untuk membaiki taraf hidup rakyat di luar bandar—membesar dan meluaskan mata pencarian mereka itu. Penduduk-penduduk di luar bandar adalah mempunyai tanah masing-masing dan mereka-mereka yang tak mempunyai tanah, Kerajaan bercadang hendak memberi tanah. Akan tetapi setengah-setengah mereka yang duduk di kampung-kampung tidak mempunyai tanah yang boleh mendatangkan mata pencarian yang cukup bagi mereka itu, oleh itu mustahaklah dijalankan ikhtiar-ikhtiar bagi menambah mata pencarian mereka itu. Dan lagi, sungguhpun kita berkehendak supaya penduduk-penduduk di luar bandar itu menumpukan sepenuh-penuh tenaganya bagi menjayakan tanah masing-masing, akan tetapi pada masa yang lampau, kita suka juga tenaga mereka boleh digunakan untuk menjalankan perusahaan-perusahaan yang lain yang boleh menambahkan hasil pendapatan mereka itu.

Kebanyakan **tuan-tuan** di sini saya percaya berasal dari kampung-kampung dan orang-orang yang duduk di bandar-bandar pun tentu mengetahui juga keadaan di kampung-kampung **kita** di Tanah Melayu. **Sungguhpun** setengah penduduk-penduduk di kampung-kampung ada menjalankan perusahaan **kecil** masing-masing akan tetapi perusahaan-perusahaan ini tidak dijalankan dengan sempurna dan teratur, dan dengan begitu tidaklah boleh mendatangkan sepenuh-penuh hasil seperti yang dikehendaki. Oleh itu mustahaklah **tuan-tuan** sekalian **menolong** memberi nasihat dan ajaran kepada penduduk-penduduk di kampung-kampung supaya perusahaan-perusahaan mereka itu dapat dijalankan dan diaturkan dengan sempurna. Hendaklah disiasat cara-cara perusahaan itu dijalankan, cara modal diperoleh dan juga pasaran bagi perusahaan itu. Tuan-tuan sekalian dikehendaki berdamping dengan penduduk-penduduk di kampung-kampung dan carikanlah ikhtiar untuk mengadakan perusahaan-perusahaan kecil di mana-mana tempat pun. Inilah sebenar-benar tanggung-jawab **tuan-tuan** sekalian.

Sungguhpun **tuan-tuan** tinggal di bandar-bandar akan tetapi **tuan-tuan** dikehendaki setiap masa berjalan ke kampung-kampung mencari jika ada apa-apa perusahaan yang boleh digalakkan dan memberi apa-apa pertolongan yang patut. Janganlah **semata-mata** memandang kepada perusahaan-perusahaan yang besar sahaja. Perusahaan yang **kecil-kecil** pun mustahak digalakkan dan dijayakan. Saya suka untuk menengok kehasilan dan kejayaan **walau** bagaimana kecil sekali pun. Oleh itu jalankan tugas **tuan-tuan** dengan teratur, biar pun permulaan itu kecil asal ada hasilnya yang **nampak** di pandang.

Oleh sebab **tuan-tuan** ada mempunyai tugas yang mustahak ini **maka** mustahaklah diadakan latihan yang semacam ini supaya **tuan-tuan** faham bagaimana caranya menjalankan tugas-tugas itu. Saya yakin dan percaya, jika tidak ada latihan yang semacam ini **tuan-tuan** tentu sukar hendak menjalankan pekerjaan masing-masing. Latihan dan ajaran yang diberi ini ialah **semata-mata** bagi menolong **tuan-tuan** dalam menjalankan tugas **tuan-tuan**—**semata-mata** bagi memberi panduan kepada **tuan-tuan**. Dalam menjalankan tugas masing-masing tentulah **tuan-tuan** akan menghadapi beberapa masaalah-masaalah yang mustahak. **Tuan-tuan** memerlukan panduan bagi mengatasi sekalian masaalah-masaalah itu. Akan tetapi dalam semua pekerjaan-pekerjaan yang akan

dibuat itu perkara yang mustahak sekali ialah semangat dan initiative. Dengan adanya semangat dan initiative saya percaya tuan-tuan akan dapat menjalankan tugas masing-masing dengan penuh kejayaan.

Saya harap tuan-tuan bersungguh-sungguh mendengar dan belajar apa juga perkara yang patut dalam latihan ini supaya tuan-tuan mempunyai alat yang cukup bagi menjalankan tugas yang diberi kepada tuan-tuan.